In-flight Library

Tahun 11 Bilangan 1 Zulhijjah - Rabiulawal 1428 • Januari - Mac 2007

UNGGULI IMEJ BRUNEI DENGAN AKHLAK YANG BAIK

Oleh: Haji Mohidin bin Haji Mustapha

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam supaya mempelajari dan menggunakan 'gaya kepemimpinan' Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* untuk menyelamatkan umat. Di antara kepemimpinan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang ditonjolkan ialah mempersaudarakan umat Islam tanpa mengira warna kulit atau kaum. Baginda bertitah demikian sempena Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* 1428/2007 yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei.

(Bersambung ke muka surat 3)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, anakanda dan adinda-adinda baginda ketika berkenan mengepalai perarakan mengelilingi ibu negara.

Suratberita ini mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam.* Jagalah ia dengan sempurna

ترڤکن کڤيمڤينن رسول الله ﷺ دالم کهيدوڤن

تاهون ١١ بيلاڠن ١ ذوالحجة ١٤٢٧ – ربيع الأول ١٤٢٨/ جنواري - ماچ ٢٠٠٧

ستيف ڤميمڤين يڠدلنتيق اتو داماهكن انتوق مميمڤين سسبواه نڬارا ، مشاركة ، اورڬانيساسي اتو كلوارڬ ڤرلو ممڤوڽأي متلامت دان ڬاريس ڤندوان دالم كڤيمڤينن. اڤبيل سسئورڠ ڤميمڤين ايت برصفة مليا دان عادل ترهادڤ اورڠ٢ يڠ دڤيمڤينڽ مك اورڠ٢ يڠ دباوه ڤيمڤينن ايت فستي اكن منداڤت منفعة درڤدڽ بأيك دالم كهيدوڤن سهارين ، هرت بندا دان سباڬين.

سجاره تله ممبوقتيكن بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم اداله سئورڠ ڤميمڤين تراوڠڬول. بڬندا بوكن سهاج ڤميمڤين اڬام دان كتوا نڬارا يڠ برڬاليبر بهكن جوڬ سئورڠ ڤميمڤين كلوارڬ يأيت سباڬي سئورڠ سوامي دان ايه يڠ بأيك دان برجاي.

دالم حال اين بڬندا اداله سسمڤرنا چنتوه يڠ سمستيڽ دتلادني. بڬندا مڠاجر دان منديديق امتڽ سڤاي برصفة بأيك ، جوجور ، امانه ، اخلاص دان عادل دالم كهيدوڤن سهارين سباڬيمان يڠ دعملكن سنديري اوله بڬندا. اوله كران ايت ماريله كيت سام٢ منچنتوهي دان مڠعملكن چارا هيدوڤ بڬندا ايت.

دالم اسلام ڤيمڤينن برمولا درڤد كلوارڬ. مشاركة يڠ سجهترا برمولا درڤد كلوارڬ يڠ سجهترا. كسجهترأن سوامي استري هاڽ ترچاڤاي بيلا كهندق اسلام ايت ترلقسان دالم رومه تڠڬا ترسبوت. كڤيمڤينن هاروس دتنجولكن منروسي تلادن ، چنتوه٢ ترڤوجي دان كلاكوان يڠ بأيك. كلاكوان دان چنتوه٢ يڠ بأيك درڤد ايبو باڤ اكن منجادي مودل دان ايكوتن كڤد انق٢. اوله يڠ دمكين اداله واجب باڬي ستيڤ ايه بيلا دان دمان جوا دي براد سڤاي منچنتوهي صفة٢ يڠ تله دتنجوقكن اوله رسول الله صلى الله عليه وسلم. بڬندا تله ممبري چنتوه كڤيمڤينن يڠ بأيك كڤد كيت ، مننجوقكن اساس دان ڤرينسيڤ يڠ تياد تنديڠنڽ سام اد دليڠكوڠن رومه بڬندا ماهوڤون دليڠكوڠن مشاركة قوم مسلمين. بڬندا مڠڬلقكن سڤاي دڤرهاتيكن سموا اسڤيق كهيدوڤن كلوارڬ ايت ، كأدأن ڤرسكيتران دان هوبوڠن سسام مريك اڬر سموا ايت برجالن دڠن صحة دان واجر. اينله ساله ساتو چارا ڤمبنتوقكن جنراسي يڠ صحة ، روحاني دان جسماني يڠ برالتزام دالم ملقسناكن اجارن إسلام.

ايڠتله كڤيمڤينن يڠ برتڠڬوڠجواب اكن ممبينا كلوارڬ يڠ تڬوه دان كوكوه ، ڤنوه كاسيه دان سايڠ.

SIDANG PENGARANG

Terima Kasih atas ehsan Foto kepada:

*Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam*

(Dari muka 1)

Menurut baginda lagi, sekiranya umat Islam memakai gaya ini, sudah barang tentu tidak akan ada pertelingkahan dan pergaduhan sesama sendiri, kesatuan juga lebih teguh serta kemakmuran dapat dibangunkan dengan lebih mudah.

Dengan gaya kepimpinan ini, baginda yakin umat Islam akan menjadi kuat, berkualiti dan makmur. Kekuatan tersebut akan lebih memudahkan lagi bagi mereka untuk menyumbang kepada dunia bagi kebahagiaan dan kemakmuran sejagat.

"Umat Islam yang kini berjumlah lebih dari satu bilion itu, tidaklah patut dibiarkan untuk berkeadaan seperti buih di laut, tetapi perlu memiliki kualiti sewajarnya. Mereka patut bersikap lebih proaktif untuk membawa dunia ini keluar daripada kesengsaraan kepada kebahagiaan sejati." Titah baginda.

Kita patut mengikut jejak Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam membangunkan umat tersebut. Mula-mula kita bangunkan individu dan setelah itu barulah kita membangunkan ummah berteraskan kepentingan-kepentingan dunia dan akhirat, titah baginda lagi.

Menurut baginda lagi, pembangunan cara ini tidak akan menjejaskan sesiapapun, malah kemanfaatannya adalah menyeluruh, boleh dinikmati oleh sesiapa jua yang bernama bani insan. Jika kita berjaya melakukan ini, maka ertinya, kita telah berjaya menyandang pangkat yang telah diberikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada kita, selaku *Khairu Ummah* (sebaik-baik umat).

Seterusnya dalam titah yang sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyeru kita semua supaya mempertahankan nama baik yang telah dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada kita, terbaik selaku individu dan terbaik selaku penyumbang kebajikan di bumi Allah.

Dalam konteks menyumbang ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa ia tidaklah semestinya dengan wang ringgit, tetapi juga meliputi do'a, simpati, pemikiran serta komitmen kita dalam semua perkara yang baik.

Dalam konteks ini, apakah perkara yang boleh dijadikan sumbangan itu? Baginda bertitah: *"Boleh juga dijadikan sumbangan itu ialah mempromosikan akhlak yang baik supaya diamalkan. Kerana isu akhlak ini juga adalah isu global yang tidak berkesudahan."* Menurut baginda lagi, Brunei mesti tegak dengan akhlak yang baik. Kita tutup pintu rapat-rapat daripada sebarang akhlak yang buruk. Kita tidak mahu dibebani oleh akhlak yang buruk. Kita tidak mahu membuang wang dan membuang masa untuk itu. Kita hanya menginginі untuk rancak membangun bukan melayani kerenah-kerenah yang tidak bernilai.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia yakin apabila Brunei bersih daripada segala bentuk akhlak yang tidak diingini, maka tidak syak lagi ia akan mengungguli imej yang indah lagi gemilang. Dan manakala ini berlaku, ia juga akan mengungguli ketauladanan seluruh jagat ini.

Pada pagi hari Sabtu, 12 Rabiulawal, 1428 bersamaan 31 Mac, 2007 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* di Taman Haji Sir Muda 'Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada ketua-ketua pasukan dan umat Islam yang sama-sama meraikan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Seramai lebih 25,000 orang mewakili 157 pasukan terdiri daripada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, institusi pendidikan, pasukan berpakaian seragam dan sektor swasta telah menyertai perarakan maulud itu.

Do'a selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Sejurus sebelum perarakan bermula, selawat dilaungkan sebanyak tiga kali diketuai oleh Ketua Hakim Syar'i, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Sebahagian jemputan yang menghadiri perhimpunan dan perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

Dikir Marhaban dipersembahkan oleh Pasukan Dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama.

KDYMM Berkenan Berangkat Ke Majlis Do'a Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan Ke-23 tahun

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke Majlis Sembahyang Fardhu Maghrib dan 'Isya' berjemaah, Do'a Kesyukuran dan membaca surah Yâsîn sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-23 tahun bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda ketika sama-sama mengaminkan do'a sempena Majlis Kesyukuran Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan baginda bersama kerabat-kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Muhammad serta ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif sambutan perayaan.

Majlis pada hari tersebut bermula dengan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah diimamkan oleh yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, kemudian diikuti dengan sembahyang sunat Hajat diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan surah Yâsîn dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, dan do'a kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sembahyang fardhu 'Isya' berjemaah diimamkan oleh yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir.

MENTERI KERAJAAN ARAB SAUDI KUNJUNGI BALAI PAMERAN ISLAM

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdul Aziz bin Mohamed al-Alsheikh, Menteri Hal Ehwal Islam, Wakaf, Da'wah dan Nasihat Kerajaan Arab Saudi dan rombongan telah melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada hari Isnin 15 Safar, 1428 bersamaan 5 Mac, 2007.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan rombongan dialu-alukan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, dan pegawai-pegawai kanan.

Sepanjang lawatan, Tuan Yang Terutama telah diterangkan mengenai bahan-bahan koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang dipamerkan. Antaranya koleksi Mushaf yang bertarikh seawal kurun ke-16 hingga kurun ke-20 Masihi dengan keunikan, keindahan dan kehebatan kesenian Islam di awal zaman kegemilangannya. Selain itu juga beliau diterangkan mengenai koleksi manuskrip yang unik dan *nadir* meliputi pelbagai disiplin ilmu yang amat berguna sebagai bahan rujukan kepada para pengkaji.

Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdul Aziz bin Mohamed Al-Alsheikh, Menteri Hal Ehwal Islam, Wakaf, Da'wah dan Nasihat Kerajaan Arab Saudi diberikan taklimat ringkas sebelum melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Tuan Yang Terutama berada di negara ini adalah dalam rangka lawatan selama 3 hari bermula 3 Mac, 2007 yang diselaraskan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Menyertai Islamic Book Fair di Jakarta

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Bertempat di Stadium Istora Glora Bung Karno, Senayan, Jakarta, Indonesia telah berlangsung 6th Islamic Book Fair 1428/2007 bermula dari 13 hingga 21 Safar, 1428 bersamaan dengan 3 hingga 11 Mac, 2007.

Hampir seluruh penerbit dan toko buku Islam di Indonesia menyertai pesta buku tersebut. Sebanyak 167 gerai telah disediakan oleh pihak penganjur, iaitu IKAPI (Ikatan Penerbit Indonesia) dan disertai oleh 112 peserta/perusahaan, termasuk Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Penyertaan Jabatan Mufti Kerajaan di pesta buku itu selain daripada untuk mempromosikan dan mengadakan aktiviti jualan buku-buku terbitannya, ia juga membawa misi untuk mengangkat kepemimpinan negara dalam hal ehwal keislaman khususnya institusi fatwa negara ini. Melalui penyertaan seperti ini kewibawaan kepemimpinan negara iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedikit sebanyak dapat diangkat kepada warga Indonesia dan pengunjungnya. Ini adalah perolehan nilai spiritual yang tidak dapat diperolehi dengan material. Perkara ini telah dijelaskan oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan yang mengetuai rombongan jabatan ini di pesta buku tersebut.

Ratusan ribu orang telah mengunjungi pesta buku tersebut termasuk dari Malaysia dan Singapura. Berbagai acara juga telah diadakan bagi memeriahkannya termasuk seminar, diskusi interaktif, festival seni dan budaya Islam, *talkshow*, festival nasyid, bedah buku dan lain-lain.

Pesta buku selama sembilan hari itu telah dirasmikan oleh Ibu Mufidah Jusuf Kalla iaitu isteri kepada Timbalan Presiden Republik Indonesia, pada 13 Safar, 1428 bersamaan 3 Mac, 2007 yang lalu.

Ibu Mufidah Jusuf Kalla iaitu isteri kepada Timbalan Presiden Republik Indonesia ketika mengunjungi gerai Jabatan Mufti Kerajaan dan dialu-alukan oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan.

ADAKAH BERJANGGUT TANPA MISAI MENYERUPAI ORANG YAHUDI?

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

Soalan:
Pada suatu hari saya ditegur oleh seorang kawan yang menyuruh memotong janggut saya. Bila saya tanya kenapa, jawabnya: "Kalau menyimpan janggut tanpa bermisai sama menyerupai orang Yahudi."

Soalnya sekarang, dapatkah kiranya Yang Berhormat Pehin memberi penjelasan tentang perkara ini agar saya tidak merasa waswas tentang penyimpanan janggut.

Jawapan:

الحَمْدُ لله رَبِّ العَالَمِين، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد وَعَلَى آلِه وَصَحْبِه ومَنْ تَبِعَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين، وَبَعْدُ.

Erti *al-Li<u>h</u>yah*

Janggut dan jambang itu disebut dalam bahasa arabnya *al-li<u>h</u>yah* iaitu rambut atau bulu yang tumbuh di kawasan dua pipi dan dagu. Demikian menurut al-Fairuz Abadi dalam al-Qâmûs al-Mu<u>h</u>îth.

Nabi Harun *'Alaihissalam* Berjanggut

Berjanggut dan berjambang itu *sunnah* Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, amalan para sahabat Baginda dan para nabi *'Alaihimussalam*. Di antara nabi-nabi yang berjanggut yang disebutkan oleh al-Qur'an ialah Nabi Harun, abang kepada Nabi Musa *'Alaihissalam*. Nabi Harun lebih tua tiga tahun daripada Nabi Musa.

Firman Allah Ta'ala:

قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِي وَلَا بِرَأْسِيٓ

(سورة طه: ٩٤)

Tafsirnya: *Nabi Harun berkata: "Wahai anak ibuku, janganlah engkau meragut janggutku dan menarik rambutku.*

(Surah Thâhâ: 94)

Menurut sejarah, apabila Nabi Musa dan Nabi Harun *'Alaihissalam* bersama Bani Israel selamat daripada kejaran Firaun dan tenteranya, Nabi Musa *'Alaihissalam* pergi *bermunâjât* seorang diri ke gunung Tursina selama empat puluh hari dan meninggalkan Bani Israel di bawah jagaan Nabi Harun *'Alaihissalam*. Kemudian Allah Ta'ala memberitahu Nabi Musa *'Alaihissalam* bahawa di kalangan Bani Israel telah terjadi fitnah aqidah selepas ditinggalkannya.

Fitnah berkenaan ialah penyelewengan aqidah Bani Israel dengan mempertuhankan patung sapi emas hasil pahatan salah seorang Bani Israel yang bernama Samiri. Sebaik-baik saja Nabi Musa *'Alaihissalam* pergi ber*munâjât*, Samiri memahat patung sapi yang dibuatnya daripada emas. Setelah siap patung itu, Samiri mendakwa itulah tuhan Nabi Musa *'Alaihissalam* dan itulah juga tuhan Bani Israel. Maka Bani Israel menyembah patung emas itu. Nabi Harun *'Alaihissalam* ada bersama mereka, tetapi tidak dapat berbuat apa-apa dan tidak berupaya menghalang mereka.

Sebaik saja Nabi Musa *'Alaihissalam* kembali daripada ber*munâjât* dan setelah melihat penyelewengan aqidah Bani Israel itu, Nabi Musa *'Alaihissalam* pun terus memegang dan menarik janggut dan rambut abangnya, Nabi Harun *'Alaihissalam* kerana kesal terhadap penyelewengan Bani Israel sedangkan Nabi Harun

'Alaihissalam ada bersama mereka.

Oleh sebab tindakan Nabi Musa *'Alaihissalam* memegang dan menarik janggut dan rambut Nabi Harun *'Alaihissalam* itu, maka itulah sebabnya Nabi Harun *'Alaihissalam* berkata: "Wahai anak ibuku, janganlah engkau meragut janggutku dan menarik rambutku," sebagaimana yang diceritakan Allah Ta'ala dalam surah Thâhâ di atas.

Kisah janggut Nabi Harun *'Alaihissalam* yang dipegang Nabi Musa *'Alaihissalam* ini, menjadi dalil kepada para ulama yang berpendapat bahawa amalan berjanggut itu disyariatkan dalam Islam dan menjadi *sunnah* nabi-nabi.

Tujuan Berjanggut

Amalan berjanggut dan berjambang itu juga merupakan suatu tanda untuk membezakan cara hidup orang Islam daripada cara hidup orang musyrik dan Majusi kerana orang musyrik dan Majusi tidak suka berjanggut, tetapi menyukai menyimpan misai.

Hadits-Hadits Mengenai Janggut Dan Jambang

Adapun perintah memelihara janggut itu banyak kali ditegaskan dalam hadits-hadits Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam,* antaranya:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِي اللهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أحْفُوا الشَّوَارِبَ وَأَعْفُوا اللِّحَى

(رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma katanya: "Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Kamu cukurlah misai dan peliharalah janggut kamu."*
(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِي اللهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، خَالِفُوا الْمُشْرِكِينَ وَفِّرُوا اللِّحَى وَأَحْفُوا الشَّوَارِبَ

(رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhuma, katanya: "Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Berbezalah kamu daripada orang-orang musyrik, iaitu, kamu pelihara janggut dan cukurlah misai."*
(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadits yang lain Baginda bersabda:

جُزُّوا الشَّوَارِبَ وَأَرْخُوا اللِّحَى خَالِفُوا الْمَجُوسَ

(رواه ومسلم)

Maksudnya: *Guntinglah misai dan panjangkanlah janggut, elakkanlah daripada mengikut orang-orang Majusi.*
(Hadits riwayat Muslim)

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَشْرٌ مِنَ الْفِطْرَةِ: قَصُّ الشَّارِبِ، وَإِعْفَاءُ اللِّحْيَةِ

(رواه ومسلم)

Maksudnya: *Daripada 'Aisyah katanya: "Telah bersabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam: "Sepuluh perkara daripada fitrah (kebiasaan nabi-nabi) iaitu menggunting misai dan memanjangkan janggut."*
(Hadits riwayat Muslim)

عَنِ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ قَالَ: أُمِرْنَا بِإِحْفَاءِ الشَّوَارِبِ وَإِعْفَاءِ اللِّحْيَةِ

(رواه ومسلم)

Maksudnya: *Daripada Ibnu 'Umar, daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, sesungguhnya dia berkata: "Kami diperintahkan supaya mencukur misai dan membiarkan janggut panjang."*
(Hadits riwayat Muslim)

Hadits-Hadits Melarang Mencukur Janggut

Mencukur janggut dan memelihara misai itu adalah budaya atau cara hidup orang-orang Yahudi dan Nashrani. Oleh kerana itu orang Islam diperintahkan supaya berkeadaan sebaliknya tidak mengikut budaya mereka itu. Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam:*

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَعْفُوا اللِّحَى وَخُذُوا الشَّوَارِبَ وَغَيِّرُوا شَيْبَكُمْ وَلاَ تَشَبَّهُوا بِالْيَهُودِ وَالنَّصَارَى

(رواه أحمد)

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah, katanya: "Bersabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam: "Kamu simpanlah janggut dan kamu potonglah misai,*

serta janganlah kamu mencontohi Yahudi dan Nashrani."

(Hadits riwayat Ahmad)

رَوَى أَنَّ رَجُلاً مِنَ الْمَجُوْسِ جَآءَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمِ وَقَدْ حَلَقَ لِحْيَتَهُ وَأَطَالَ شَارِبَهُ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمِ، مَا هَذَا؟ قَالَ: هَذَا دِيْنَنَا، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمِ: لَكِنَّ فِي دِيْنِنَا أَنْ نُحْفِيَ الشَّوَارِبَ وَأَنْ نُعْفِيَ اللِّحْيَةَ.

(رواه ابن أبي شيبة)

Maksudnya: *Diceritakan bahawa seorang lelaki daripada kalangan Majusi datang mengadap Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, dan lelaki ini telah mencukur janggutnya dan memanjangkan misainya. Lalu Baginda bertanya: "Apa (yang engkau lakukan) ini?" Lelaki itu menjawab: "Beginilah ajaran agama kami." Kemudian Baginda berkata: "Akan tetapi dalam agama kami (Islam) hendaklah kami memotong misai dan membiarkan janggut kami panjang."*

(Hadits riwayat Ibnu Abu Syaibah)

Para Sahabat *Radhiallahu 'anhum* Berjanggut

Melalui keterangan yang diperolehi daripada hadits *shahîh, âtsâr* dan *sîrah,* para sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* tidak mencukur janggut mereka sebagaimana keterangan berikut ini:

كَانَ أَبُوْ بَكْرٍ كَثَّ اللِّحْيَةِ وَكَانَ عُثْمَانُ رَقِيْقَ اللِّحْيَةِ طَوِيْلَهَا وَكَانَ عَلِيٌّ عَرَضَ اللِّحْيَةِ.

(رواه الترميذي)

Maksudnya: *Adalah janggut Abu Bakar itu lebat adapun Uthman jarang (tidak lebat) janggutnya tetapi panjang, sedangkan Ali tebal janggutnya.*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Menurut kata al-Imam al-Bukhari:

كَانَ ابْنُ عُمَرَ يُحْفِي شَارِبَهُ حَتَّى يُرَى إِلَى بَيَاضِ الْجِلْدِ

Ertinya: *Ibnu 'Umar menipiskan misainya sehingga kelihatan kulitnya yang putih.* (Fath al-Bâri: 11/524)

وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ إِذَا حَجَّ أَوْ اعْتَمَرَ قَبَضَ عَلَى لِحْيَتِهِ فَمَا فَضَلَ أَخَذَهُ

(رواه البخاري)

Maksudnya: *Semasa Ibnu 'Umar mengerjakan haji atau umrah, beliau menggenggam janggutnya, mana yang lebih (daripada genggamannya) dipotong.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Daripada keterangan-keterangan di atas, jelas membuktikan bahawa para sahabat adalah berjanggut kerana mencontohi amalan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam.*

Pendapat Mazhab Syafi'e Tentang Janggut

Menurut Imam an-Nawawi dalam Syarh Shahîh Muslim bahawa janggut itu tidak dicukur, katanya:

وَالْمُخْتَارُ تَرْكُ اللِّحْيَةِ عَلَى حَالِهَا. وَأَنْ لاَ يَتَعَرَّضَ لَهَا بِتَقْصِيْرِ شَيْءٍ أَصْلاً، وَالْمُخْتَارُ فِيْ الشَّارِبِ تَرْكُ الإِسْتِئْصَالِ وَالإِقْتِصَارِ عَلَى مَا يَبْدُوْ بِهِ طَرْفُ الشَّفَةِ.

Ertinya: *Bahawa pendapat yang terpilih, ialah membiarkan janggut mengikut keadaan semula jadinya, dan pada dasarnya tidak mengapa-apakannya, walau menggunting sedikitpun daripadanya, dan pendapat yang terpilih pada misai pula ialah tidak memotongnya habis, cukup memendekkannya setakat jelas kelihatan tepi bibir."*

Menurut kitab al-Majmû' karangan al-Imam an-Nawawi, kata al-Khithabi dan ulama-ulama selainnya: "Janggut itu disimpan, dibiarkan dengan tidak digunting. Mengguntingnya adalah makruh seperti perbuatan orang-orang *a'jam* (bukan Islam)." (1/342)

Berdasarkan kepada keterangan hadits-hadits di atas, berjanggut itu bukan sahaja amalan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat Baginda, bahkan menjadi amalan juga kepada para nabi sebagaimana keterangan al-Qur'an tentang janggut Nabi Harun *'Alaihissalam*. Sementara mencukurnya pula bertentangan dengan *sunnah* Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam.* Adapun ungkapan: "Menyimpan janggut tanpa misai sama menyerupai orang Yahudi" adalah tidak betul.

وَاللهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

KEJAHILAN MEMBACA AL-QUR'AN JANGAN DITURUNKAN KEPADA ANAK

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan mengingatkan ibu bapa di negara ini agar kejahilan mereka dalam membaca al-Qur'an jangan sekali-kali diturunkan kepada anak-anak mereka.

Yang Berhormat Pehin berharap agar ibu bapa akan terus-menerus mengajarkan anak-anak mereka membaca al-Qur'an, apatah lagi membaca al-Qur'an itu merupakan kewajipan yang dituntut dalam Islam dan sekarang ini kelas-kelas membaca al-Qur'an telah banyak diadakan.

"Membaca al-Qur'an bukanlah kita dituntut membaca seperti seorang qari atau qari'ah, memadailah kalau kita boleh membaca dengan baik dan boleh menyebut huruf dalam al-Qur'an dengan betul," tambah Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin berkata demikian di Majlis Perasmian Minggu Ta'arruf Pelajar-Pelajar Baru Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah Sesi 1427/2007 yang berlangsung di institut berkenaan pada hari Khamis, 28 Zulhijjah, 1427 bersamaan 18 Januari, 2007.

Menurut Yang Berhormat Pehin lagi, ibu bapa yang mengajarkan anak-anak mereka membaca al-Qur'an, di syurga nanti mereka akan dibinakan dengan istana atau mahligai oleh anak-anak mereka. Malah bukan itu sahaja, kelebihan yang lebih baik juga akan diberikan sebagaimana yang tersebut dalam al-Qur'an.

Seramai 40 orang pelajar, termasuk 20 pelajar perempuan layak meneruskan pengajian mereka di institut berkenaan daripada 160 pemohon. Pemilihan berdasarkan keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun lalu, di samping mengutamakan kebolehan membaca dan menghafaz sebahagian surah ketika menjalani ujian temu duga.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika berucap dan seterusnya memberikan ceramah di Majlis Perasmian Minggu Ta'arruf Pelajar-Pelajar Baru Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

HALAQAH BERSAMA PAKAR

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Dalam memberikan *input* dan pengetahuan kepada pegawai-pegawainya, Jabatan Mufti Kerajaan telah mengadakan Halaqah Bersama Pakar dalam tajuk Pelaburan Forex. Majlis berlangsung di Darulifta Brunei Darussalam pada 18 Muharram, 1428 bersamaan 6 Februari, 2007.

Ceramah disampaikan oleh Awang Haji Muhd. Syaipuddin bin Haji Abdullah, Pengarah Urusan, Bank Islam Brunei Darussalam Berhad. Di antara yang hadir termasuklah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan dan beberapa orang pegawai dari Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD). Ceramah berkisar kepada beberapa tajuk antaranya tentang definisi *foreign exchange,* ciri-ciri pasarannya, metode dan teknik jual beli dan risiko.

Sementara itu, pada 8 Safar, 1428 bersamaan 22 Februari, 2007 Jabatan Mufti Kerajaan, telah mengadakan sesi Latihan Pembentangan Kertas Kerja. Sebanyak dua kertas kerja telah dibentangkan pada hari tersebut iaitu Tempoh Haidh dalam Mazhab asy-Syafi'e dan Istihâdhah: Satu Pengenalan Awal. Hadir di sesi tersebut ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Suasana ketika halaqah bersama pakar mengenai forex diadakan.

AS-SUYUTHI

Oleh: Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak

As-Suyuthi ialah Jalaluddin Abdul Rahman bin Abu Bakar bin Muhammad bin Abu Bakar bin ‘Utsman bin Muhammad bin Khalil bin Nashr as-Suyuthi asy-Syafi‘e. Di kalangan ulama mazhab Syafi‘e dikenali dengan asy-Syeikh al-Imam al-Hafizh al-Musnid al-Muhaqqiq al-Mudaqqiq Syeikh al-Islam. Manakala gurunya al-‘Izz al-Kannani al-Hanbali memberinya gelaran Abu al-Fadhl.

Dilahirkan selepas Maghrib malam Ahad pada awal bulan Rejab tahun 849H (1445M) di kota Asyuth yang terletak di sebelah barat sungai Nil, Mesir. Kepada nama Asyuth inilah beliau dibangsakan yang menjadikan beliau secara khusus dikenali dengan as-Suyuthi.

Datuk nenek beliau adalah tokoh-tokoh ulama, orang kenamaan dan terhormat. Bapanya adalah salah seorang ulama fiqh mazhab Syafi‘e yang wafat pada tahun 855H, ketika as-Suyuthi baru berusia 5 tahun 7 bulan.

Kehidupan

Imam as-Suyuthi hidup dan membesar dalam keadaan yatim tanpa bapa kerana sebelum cukup usianya 6 tahun, bapanya sudah wafat. Sebelum wafat, bapa beliau telah menyerahkannya kepada beberapa orang ulama. Di antaranya al-Kamal bin al-Humam al-Hanafi salah seorang ulama terkenal di asy-Syaikhaniah, Mesir. Semenjak kecil lagi as-Suyuthi telah menunjukkan tanda-tanda kecerdasannya. Dalam usia mencapai enam tahun telah menghafaz al-Qur’an sehingga surah at-Tahrîm dan dalam usia belum cukup 8 tahun telah dapat menghafaz keseluruhan al-Qur’an. Beliau juga telah dapat menghafaz kitab-kitab al-‘Umdah, al-Minhaj al Far‘i, Alfiyah Ibnu Malik dan lain-lain. Kesemua hafalannya telah dibentangkannya kepada ulama-ulama zamannya.

Ibnu al-‘Imad menyebutkan bahawa as-Suyuthi mula melibatkan diri secara aktif dalam bidang ilmu sejak bulan Rabiulawwal tahun 864H. Beliau pernah menuntut ilmu ke negeri Syam, Hijaz, Yaman, India, Maghribi dan negeri-negeri lain, tidak ketinggalan ke kota-kota Mesir sendiri seperti al-Mahallah, Dimyath dan al-Fayyum. Beliau juga telah menunaikan haji, kemudian meminum air Zamzam dengan niat bagi mendapatkan beberapa perkara, di antaranya supaya beliau dalam bidang fiqh sampai ke taraf Syeikh Sirajuddin al-Bulqaini, dan dalam bidang hadits supaya sampai ke taraf al-Hafizh Ibnu Hajar al-‘Asqalani.

Guru-Guru

Beliau pernah belajar dengan Jalaluddin al-Mahalli yang merintis penyusunan kitab Tafsir al-Jalâlain dan dengan az-Zain al-‘Aqabi, Alamuddin al-Bulqaini dan Mahyuddin al-Kafaiji. Bapanya juga pernah membawanya ke majlis (ilmu) al-Hafizh Ibnu Hajar, salah seorang tokoh ulama mazhab Syafi‘e. Beliau telah mendampingi beberapa orang ulama dalam banyak bidang ilmu. Murid beliau, ad-Dawudi, di dalam sebuah tulisannya ada menyebutkan nama guru-guru beliau bersama riwayat hidup mereka, termasuklah guru-guru yang memberinya kelulusan (ijazah) ilmu, kelulusan bacaan dan pendengaran yang disusunnya secara abjad dan jumlah mereka itu mencapai 51 orang.

Kedudukan Dalam Mazhab

As-Suyuthi adalah salah seorang tokoh ulung mazhab Syafi‘e dari abad ke-9 Hijrah dan digolongkan berpangkat *mujtahid* dari *thabaqât* ke-8 kerana beliau hidup di antara tahun 849-911H. / 1445-1505M.

Dakwaan *Mujtahid*

Imam as-Suyuthi *Rahimahullah* mendakwa yang beliau adalah seorang *mujtahid*. Al-Manawi di dalam kitab Faidh al-Qadir menyebutkan bahawa al-Jalal as-Suyuthi *Rahimahullah* menegaskan di dalam beberapa buah karyanya bahawa beliau adalah *mujaddid* (pembaharu) pada awal abad kesembilan dan beliau juga mendakwa dirinya sebagai seorang *mujtahid*.

Imam as-Suyuthi menyebutkan perkara itu dengan katanya: “Kita telah diletakkan Allah di taraf *mujtahid* untuk memberikan keterangan kepada orang ramai daripada hasil *ijtihâd* kita sebagai pembaharuan kepada agama”. Katanya lagi: “Belum ada yang muncul selepas as-Subki seperti saya”. Beliau juga pernah berkata: “Orang mengatakan *ijtihâd* satu,

tetapi saya mengatakannya tiga". Banyak lagi ucapannya yang seperti ini.

Dengan sebab dakwaan beliau ini, ramailah yang menentangnya dan tidak menerima dakwaan itu, bahkan ada yang mengajaknya berdebat, namun beliau enggan menerimanya. Beliau berkata: "Saya tidak akan berdebat melainkan dengan orang yang *mujtahid* seperti saya dan pada masa ini tidak ada *mujtahid* melainkan saya saja."

Imbasan kata-kata seperti ini telah disebutkan beliau di dalam beberapa bukunya, seperti Masâlik al-Hunafâ' dan Husn al-Muhâdharah.

Di dalam kitab Masâlik al-Hunafâ' beliau berkata: "*Alhamdulillah*, pada diri saya telah terkumpul hadits, fiqh, ushul, semua ilmu alat, seperti bahasa Arab, ma'ani, bayan dan lain-lain. Oleh sebab itu saya tahu bagaimana saya bercakap, bagaimana saya berkata, bagaimana saya mengambil dalil dan bagaimana saya men*tarjîh*. Adapun engkau wahai saudara, semoga Allah melimpahkan taufiq-Nya kepada saya dan saudara, belum lagi layak bagimu yang demikian, kerana engkau belum mengetahui fiqh, ushul dan mana-mana ilmu alat. Ini kerana bercakap tentang hadits dan mengambilnya sebagai dalil bukanlah perkara mudah dan tidak boleh terjun membicarakan perkara ini bagi orang yang belum berhimpun padanya ilmu-ilmu ini. Cukuplah bagi saudara apa yang telah diberikan Allah kepada saudara, di mana apabila saudara ditanya mengenai sesuatu hadits, katakan sajalah begini: "Sama ada *wârid* atau tidak, sama ada di*shahîh*kan, di*hasan*kan atau di*dha'îf*kan oleh para *huffazh*, tidaklah halal bagi saudara memberikan fatwa selain sekadar ini saja, dan biarkanlah yang lainnya kepada pakarnya."

Beliau berkata di dalam Husn al-Muhadharah: "Saya telah dikurniakan kepakaran di dalam tujuh ilmu, iaitu di dalam bidang tafsir, hadits, fiqh, nahu, ma'ani, bayan, dan badi' mengikut cara orang Arab, bukan mengikut cara orang yang bukan Arab dan orang-orang falsafah. Saya percaya bahawa apa yang saya capai daripada ilmu-ilmu ini, selain daripada fiqh dan *nuqul* yang saya pelajari, belum sampai dan belum diperolehi sesiapapun daripada guru-guru saya, apalagi orang yang masih di bawah taraf mereka. Akan tetapi di dalam bidang fiqh, saya tidak mengatakannya begitu, bahkan guru-guru saya di dalam bidang ini lebih pakar dan lebih ahli lagi daripada saya. Selain daripada tujuh ilmu tersebut, saya juga tahu tentang ilmu usul fiqh."

Katanya lagi: "Adapun ilmu hisab, adalah sesuatu yang paling susah bagi saya dan paling jauh daripada fikiran saya. Apabila saya menanggapi satu-satu persoalan yang berhubung kait dengan ilmu hisab, seakan-akan saya sedang menanggung sebuah gunung untuk dipindahkan. Sekarang ilmu peralatan untuk ber*ijtihâd* sudah ada pada saya. *Alhamdulillah*, saya menyebutkan perkara ini hanyalah sebagai menceritakan limpah kurnia Allah, bukan kerana sombong dan kemegahan. Apalah ertinya mencari kemegahan di dunia ini, kerana keberangkatan sudahpun dekat, uban pula sudah mula tumbuh dan usia muda sudahpun lenyap. Jika tuan ingin supaya saya menulis karangan dalam setiap permasalahan, lengkap dengan pendapat-pendapat orang mengenainya, dalil *naqli* dan *qiyâs*nya, konsepsinya, bantahannya, jawapannya dan penilaian di antara pendapat berbagai mazhab mengenainya, saya akan dapat melakukannya melalui limpah kurnia Allah, bukan dengan upaya dan kekuatan saya kerana tidak ada upaya dan kekuatan melainkan dengan Allah."

Inilah di antara kata-kata beliau di dalam dakwaan *ijtihâd*nya. Kesan daripada dakwaan ini, sesetengah ulama zamannya telah menentangnya dan menyebabkan beliau mendapat berbagai penganiayaan dan mendorong beliau mengasingkan diri di rumahnya di Raudhah al-Miqyas, Mesir.

Walaupun pada mulanya mereka menentang beliau, namun akhirnya ramai juga yang meminta maaf kepadanya setelah beliau mengasingkan diri di Raudhah al-Miqyas. Salah seorang daripada mereka ialah Ahmad bin Muhammad al-Qasthalani asy-Syafi'e, pengarang kitab Irsyad as-Sari: Syarah Shahîh al-Bukhari dalam 10 juzuk dan kitab al-Mawâhib al-Ladunniyyah: Sejarah Nabi. Al-Qasthalani berjalan kaki menempuh jarak yang begitu jauh dari Kaherah ke Raudhah al-Miqyas menuju kediaman as-Suyuti untuk meminta maaf. Al-Qasthalani mengetuk pintu. As-Suyuti bertanya dari dalam: "Siapa?" "Saya al-Qasthalani datang dengan berjalan kaki untuk meminta maaf dari tuan!" Jawab al-Qasthalani. Oleh sebab as-Suyuthi telah mengasingkan diri dari orang ramai, beliau tidak membuka pintu dan hanya menjawab: "Sudah dimaafkan".

Bersambung di keluaran akan datang

Ristaan Kuliah Subuh Bersama Mufti

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk sama-sama meng'*imârah* dan memakmurkan masjid telah mengadakan rancangan Kuliah Subuh di sepuluh buah masjid dan surau di Daerah Brunei dan Muara.

Rancangan tersebut bermula pada 26 Januari yang lalu bertempat di Masjid Kampong Masin, diikuti Surau Kampong Mulaut pada 2 Februari, Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Kampong Kati Mahar pada 11 Februari, Masjid Kampong Limau Manis pada 16 Februari dan Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak, Gadong pada 25 Februari.

Kuliah Subuh ini juga diadakan di Masjid Kampong Kilanas, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba; Masjid Kampong Pancur Murai, Masjid Kampong Lumapas dan Masjid Kampong Tamoi masing-masing pada 2, 9, 16, 23 dan 25 Mac yang lalu.

Kuliah bermula setiap selepas sembahyang fardhu Subuh dan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Rancangan Kuliah Subuh ini juga diharapkan akan dapat menggalakkan lebih ramai umat Islam untuk mengerjakan sembahyang fardhu Subuh berjemaah di masjid-masjid.

Suasana ketika Yang Berhormat Pehin menyampaikan Kuliah Subuh di Masjid Kampong Masin.

Di samping jemaah lelaki, jemaah perempuan di Masjid Kampong Masin juga tidak mahu ketinggalan menimba ilmu melalui kuliah yang disampaikan.

Kuliah Subuh yang disampaikan dirakam untuk siaran Bersama Mufti di Televisyen Brunei sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam. Gambar memperlihatkan suasana Kuliah Subuh di Masjid Kampong Limau Manis.

Jemaah Masjid Kampong Kati Mahar penuh perhatian mendengar Kuliah Subuh yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin.

Walaupun di awal pagi, jemaah Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak tetap ramai menunaikan sembahyang fardhu Subuh seterusnya mendengar kuliah yang disampaikan.

Tidak puas mendengar kuliah Subuh, sebahagian jemaah Masjid Kampong Tamoi tidak mahu ketinggalan untuk merakamkan gambar kenang-kenangan bersama Yang Berhormat Pehin.

Suasana memperlihatkan jemaah perempuan Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak, ketika menghadiri Kuliah Subuh.

Kuliah Subuh satu usaha Jabatan Mufti Kerajaan untuk sama-sama memakmur dan mengimarahkan masjid. Gambar memperlihatkan Yang Berhormat Pehin menyampaikan Kuliah Subuh di Masjid Kampong Masin.

Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Pancur Murai bergambar ramai bersama Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin ketika menyampaikan Kuliah Subuh di Masjid Kampong Jangsak.

Walaupun diadakan di awal pagi, namun para wanita tidak mahu ketinggalan untuk menghadiri majlis ilmu ini. Gambar menunjukkan suasana Kuliah Subuh di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong.

Suasana orang ramai (jemaah lelaki) yang menghadiri Kuliah Subuh di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, di Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong.

Pills for Family Planning (Part Two)

We have discussed in the previous installment, the topic dealing with the Islamic view point on the concept of family planning and the general view of Islam on offspring. We have also mentioned al-'azl (coitus interruptus) as a temporary concession to avoid pregnancy when there are valid reasons; reasons without which, coitus interruptus is not permissible.

We must resolve that coitus interruptus, or any act that prevents the development of an embryo, is against human nature and contrary to the *ahâdîth* (prophetic traditions) that call for multiple offspring, and to the *ahâdîth* that clearly prohibit coitus interruptus. Indeed, some Muslim scholars claim that these *ahâdîth* abrogated the *ahâdîth* which permitted coitus interruptus on the basis of concession, particularly the sound *hadîth* that says: *"Innahu al-wa'd al-khafi"*, meaning: "Coitus interruptus is an invisible killer." It is also contradictory to the maxim that has been agreed by the Muslim community, that is "to maintain offspring." In this case, religious scholars agree that there are five matters that must be maintained and protected: one's life, religion, mind, offspring and property.

Accordingly, any means of "birth control" is incompatible with the endeavour to maintain and protect offspring, including those obligatory undertakings that are unanimously agreed by religious scholars.

Limited Concession

From the above discussion it is obvious that "a person's prevention of offspring" is a reprehensible act. If anyone has a reason to commit that act, it must be within the concession given to an individual. According to *fiqh* (Islamic jurisprudence), there is no public concession for the whole nation or the whole region to undertake this control. Therefore, the permission for coitus interruptus is only given at the level of the individual.

We have agreed on the status of permissibility for the concession at the individual level. Islamic law has decided that the status of permissibility at the individual level or for some groups of people, may become permissible for the public (all people), and may become prohibited for the public (from which all people must refrain). This depends on its suitability to or contradiction of the general principles of Islamic law.

If the matter belongs to and is congruous with Islamic principles, then it is obligatory to the public and permissible to individuals, and if the matter is contradictory to the comprehensive and general principles of Islamic law, then it is permissible for limited individuals (only for some with certain reasons) and forbidden to the public.

By applying this principle to the issue of "Prevention of Offspring," we have decided that Islamic law concerning this issue is that "If it is permissible, its permissibility is a concession" (not a general permission). It is permitted for an individual who has reasons for that concession. The issue is not permissible in the context of general law for all inhabitants in one area where the permission is enjoyed by those who have valid reasons for concession and also by others who have no reasons for concession.

In addition, the prevention of offspring belongs to matters that contradict Islamic principles, especially the principle of protecting and multiplying offspring, as has been explained in various *ahâdîth* agreed by religious scholars.

We have seen that Islam does not permit the prevention of pregnancy (offspring) in general terms. Again, it is not permitted as a law of concession for the public, since the matter is contradictory to the words of Allah in *Sûrah al-An'âm*, verse 151 and *Sûrah al-Isrâ'* verse 31 that have been cited above.

Allah Provides Sustenance To Human Beings

Based on the above evidence and arguments, we oppose and protest against the campaigns for the prevention of offspring. We do not want to lose our offspring, we do not want our nation to become smaller, we do not want to disobey the Prophet, and we do not want to deny the power of Allah, who is capable of providing *rizq* (sustenance) to whomever He wishes, beyond human prediction and calculation. Allah says:

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۚ كُلٌّ فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ

(سورة هود:٦)

Meaning: *And there is not a beast in*

the earth but the sustenance thereof depends on Allah. He knows its habitation and its repository. All is in a Clear Record (Lawh Mahfûzh).
(Sûrah Hud: 6)

Allah also says:

وَأَنكِحُوا۟ ٱلْأَيَـٰمَىٰ مِنكُمْ وَٱلصَّـٰلِحِينَ
مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَآئِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا۟
فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ
عَلِيمٌ. وَلْيَسْتَعْفِفِ ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ
نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ

(سورة النور ٣٢-٣٣)

Meaning: *And marry such of you as are solitary and the suitable (to marry) of your slaves and maid-servants. If they be poor, Allah will enrich them of His bounty. Allah is of ample means (in His reward), and Aware. And let those who cannot find a match, keep chaste (themselves) until Allah gives them independence by His grace.*
(Sûrah an-Nûr: 32-33)

Again, Allah says:

وَكَأَيِّن مِّن دَآبَّةٍ لَّا تَحْمِلُ رِزْقَهَا ٱللَّهُ
يَرْزُقُهَا وَإِيَّاكُمْ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ

(سورة العنكبوت:٦٠)

Meaning: *And how many an animal there is that bears not its own provision. Allah provides for it and for you, He is the Hearer, the Knower.*
(Sûrah al-'Ankabût: 60)

This is Islamic law concerning family planning. If the objective of marriage is such, then the issue of family planning, particularly the limitation or prevention of childbirth, is contradictory to the aim of marriage.

Population Figures Influence Economic Conditions

As we have said at the start of this discussion, rapid population growth or its opposite will influence the political and economic position of any country. For some countries today, rapid population growth may constitute a calamity. However, from the political perspective, it can be seen that the power of any country is closely associated with the power of its populace. The high number of its populace can determine the political direction of a country or nation, especially if such a country is inhabited by different races and ethnic groups.

In addition to political power, population figures will influence economic conditions. Economic power is inseparable from human resources, either professional or ordinary. The development of Brunei Darussalam today depends significantly on a foreign work force. Not only is this force required at the professional and skilled levels, but it is also needed at the "unskilled level".

In the twenty-first century, Brunei Darussalam will require more foreign workers for its development. Even today, tens of thousands of foreign workers serve in this country. Of course, the presence of foreign workers has both positive and negative impacts on this country politically, socio-economically, culturally and in terms of custom. More importantly, it has an impact on religion, that is, it has a direct impact on Islam and therefore Muslims. For example, in the early days, churches in Bandar Seri Begawan were empty. However, for the past few years, with the presence of Christian foreign workers, these churches have been extremely crowded or even overcrowded. Each Sunday morning now, roads around these churches are crowded with cars belonging to the visitors and worshippers. The congregation often spills over outside the church building, something that has never occurred before. After the church service, most of the participants head for downtown Bandar Seri Begawan as if in platoons.

This is the condition on Sunday mornings. Recently, I inadvertently drove along one of these roads on a Saturday night. My car was stuck for a few minutes since along that road there were some cars that had stopped and others that were looking for parking spaces. Experiencing a traffic jam, I had to slow down and even stop. At that moment I saw that the church, which I passed, was overcrowded with visitors, so much so that they spilled over outside the building. This manifestation is strongly visible, not obstructed or hindered, overriding and exuberant under the bright light of the church's lamps. It undoubtedly becomes a significant symbol or a lively public display for their beloved religion.

Please observe how fast and sudden these changes have taken place in Brunei Darussalam, which have their origin in the increase in the number of its inhabitants. Imagine what will happen to this country in the next decade, if we do not have a clear policy or we endorse an incorrect one. What will be the position of Brunei as an Islamic monarchy under a Muslim sultan, which presently enjoys great respect because of its straightforward policy in establishing Islam as a complete and comprehensive way of life?

To be continued in the next issue

Memperbanyak Istighfâr:

Oleh: Haji Mas Reduan bin Haji Jumat

Beroleh Keampunan, Tenang Kehidupan, Murah Rezeki....

Di antara jenis-jenis amalan yang mengandungi banyak kebaikan dan keberkatan serta mendatangkan pahala ialah dengan memperbanyakkan *istighfâr* kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala. Istighfâr* ertinya memohon keampunan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala.*

Antara lafaz *istighfâr* yang mudah diamalkan ialah dengan mengucapkan:

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ

Ertinya: *Aku memohon keampunan kepada Allah yang Maha Agung.*

Kelebihan orang yang sentiasa mengamalkan *istighfâr* dapat dilihat daripada berbagai-bagai aspek seperti berikut:

i) Orang yang ber*istighfâr* dengan bersungguh-sungguh akan diberi keampunan oleh Allah, kerana yang demikian itu adalah janji Allah Ta'ala kepada hambaNya yang benar-benar dan ikhlas memohon keampunan. Tersebut di dalam al-Qur'an:

وَٱسْتَغْفِرُواْ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

(سورة البقرة: ١٩٩)

Tafsirnya: *Dan beristighfarlah kamu kepada Allah (dengan memohon ampun), sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.*
(*Surah al-Baqarah:199*)

ii) *Istighfâr* boleh menjadi sebab untuk seseorang dikurniakan ketenangan dan kejernihan dalam kehidupannya. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam al-Qur'an sebagaimana firman Allah Ta'ala:

وَأَنِ ٱسْتَغْفِرُواْ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُم مَّتَٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى فَضْلٍ فَضْلَهُۥ

(سورة هود: ٣)

Tafsirnya: *Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (daripada perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadaNya; supaya Dia memberi kepada kamu ni'mat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) Dia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang salih) akan pahala kelebihannya itu.*
(*Surah Hûd: 3*)

iii) *Istighfâr* boleh menjadi antara sebab yang terbesar untuk menolak atau menyelamatkan seseorang daripada azab dan kemurkaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala.* Firman Allah Ta'ala:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ

(سورة الأنفال: ٣٣)

Tafsirnya: *Dan tidaklah pula Allah akan menyeksakan mereka sedang mereka beristighfâr (meminta ampun).*
(*Surah al-Anfâl: 33*)

iv) *Istighfâr* dapat menimbulkan dan meningkatkan daya ketahanan diri orang yang bertaubat, sama ada kekuatan jasmani mahupun spiritual. Dengan demikian akan menjadikannya lebih bersikap positif, baik terhadap dirinya mahupun terhadap orang lain. Firman Allah Ta'ala:

وَيَٰقَوْمِ ٱسْتَغْفِرُواْ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓاْ إِلَيْهِ يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَىٰ قُوَّتِكُمْ

(سورة هود: ٥٢)

Tafsirnya: *Dan wahai kaumku! Mintalah ampun kepada Tuhan kamu, kemudian kembalilah taat kepadaNya, supaya Dia menghantarkan kepada kamu hujan yang lebat serta menambahkan kamu kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada.*
(*Surah Hûd: 52*)

v) Orang yang tetap mengamalkan *istighfâr* akan dibukakan baginya pintu-pintu rezeki yang luas, jalan keluar daripada segala bentuk kesempitan dan menjauhkannya daripada diliputi perasaan dukacita. Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam:*

مَنْ لَزِمَ الإِسْتِغْفَارَ جَعَلَ اللَّهُ لَهُ مِنْ كُلِّ هَمٍّ فَرَجًا وَمِنْ كُلِّ ضِيقٍ مَخْرَجًا وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لاَ يَحْتَسِبُ

(رواه ابن ماجه)

Maksudnya: *Barang siapa yang tetap mengamalkan istighfâr (memohon keampunan) nescaya Allah akan membebaskannya daripada segala bentuk kesusahan, melepaskannya daripada segala bentuk kesempitan dan mengurniakannya rezeki yang tidak disangka-sangka.*
(*Hadits riwayat Ibnu Majah*)

Keikhlasan mengangkatnya ke puncak

Diolah Oleh: Haji Abu Qasim bin Haji Ismail

Di zaman masih kanak-kanak, beliau tidak pernah sama sekali mendengar ayat-ayat al-Qur'an. Kedua orang tuanya pula penganut agama Yahudi. Sejak kecil lagi beliau sudah dididik supaya tidak mempercayai agama Islam.

Menurut kepercayaan orang tuanya, mungkin Allah yang menjadikan semua manusia, kemudian memilih seorang di antara mereka untuk dijadikan pesuruhNya (Nabi Muhammad), padahal Dialah Tuhan Yang Maha Mengetahui. Dia mengetahui semua apa yang terdetik dalam hati manusia, bahkan dapat mendengar langkah seekor semut yang sedang berjalan di malam yang bergemerlapan. Bagaimana mungkin Allah yang begitu dekat dengan manusia, dapat mengetahui jiwa manusia sedangkan manusia sendiri tidak mengetahui jiwanya, kemudian Allah menyuruh mentaati Rasul pilihanNya yang terdiri daripada kelompok manusia itu juga.

Semua itu sering bermain-main dan mengganggu fikiran Ma'ruf ibnu Fairazan al-Karkhy, padahal waktu itu beliau masih kanak-kanak dan baru belajar membaca dan menulis. Dengan ketajaman fikirannya beliau mencari petunjuk tentang keesaan Allah. Kemudian pengetahuannya tambah mendalam tentang keesaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* apabila beliau sering bergaul dan bermain dengan kanak-kanak Muslim.

Ketika usianya meningkat remaja, jiwanya sudah menolak semua yang diajarkan oleh kedua orang tuanya, bila ajaran itu tidak dapat dicernakan oleh akal fikiran dan hati sanubarinya.

Pada suatu hari ketika gurunya menyuruh beliau mengulangi lagi pelajaran agamanya, Ma'aruf memberanikan dirinya berterus-terang menyatakan penolakan agama asalnya, bahkan dengan lantang beliau mengucapkan kalimat "Allah Maha Esa" sebagaimana yang diucapkan Bilal ibnu Rabah ketika diseksa oleh kaum musyrikin dengan berkata: "Allah Maha Esa, Allah Maha Esa, Allah Maha Esa, Allah Maha Esa."

Gurunya yang sangat terkejut di atas kebiadabannya membantah pelajaran agama serta keberanian penolakan agama nenek moyangnya itu. Tidak ada cara lain lagi yang dapat dilakukan gurunya melainkan menghukum dengan memukulnya dengan cemeti bertubi-tubi. Akhirnya Ma'aruf pergi membawa diri sambil menangis sekuat hatinya disebabkan luka parah yang dialaminya itu. Beliau juga takut pulang ke rumah orang tuanya, kerana khuatir keluarganya akan menyeksanya dengan lebih teruk lagi kerana keluar dari agama Yahudi.

Berita tersebar di seluruh kota Baghdad, bahawa seorang anak remaja yang bernama Ma'ruf al-Karkhy telah masuk agama Islam dengan meninggalkan agama Yahudi. Beliau juga telah meninggalkan keluarganya; tiada seorangpun mengetahui ke mana beliau pergi. Beliau yang merupakan seorang anak yang baik dan menjadi kesayangan keluarganya itu telah membuatkan ibunya menderita. Ibunya tahu peribadi Ma'aruf sejak kecil lagi adalah seorang anak yang taat dan teguh dengan pendiriannya. Ibunya telah berusaha mencari di mana-mana tapi hampa. Setelah berputus asa menemukan anaknya, ibunya berkata sambil menangis: "Jika Tuhan mengembalikan anakku, nescaya aku akan mengikuti apa saja agama yang dianutinya."

Setelah beberapa tahun Ma'ruf kembali kepada keluarganya, lalu ibunya bertanya: "Wahai anakku, agama apa yang kamu anuti sekarang?" Jawab Ma'ruf: "Sekarang saya menganut agama Islam." Maka ibunya segera mengucapkan dua kalimah syahadat:

لَآ إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَّسُوْلُ اللهِ

Ertinya: *Aku bersaksi bahwa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan aku bersaksi bahwa Muhammad adalah hamba dan RasulNya.*

Kemudian semua keluarganya memeluk agama Islam.

Ma'ruf al-Karkhy mula mempelajari Islam dan mendalaminya daripada seorang alim. Di mana-mana beliau mendengar ada orang alim, beliau akan menimba ilmu daripadanya. Selain itu beliau juga ingin menjadi seorang *mu'adzdzin* seperti Bilal ibnu Rabah serta suka mendirikan *raf'u* (meninggikan syiar) agama Islam.

Di waktu selepas sembahyang Subuh beliau selalu mendendangkan bait-bait puisi yang ertinya sebagai berikut:

"Apa yang diinginkan oleh dosa-dosa terhadap diriku, dosa-dosa itu begitu menguasai diriku dan tidak mahu pergi dari sisiku. Apakah kerugian bagi dosa-dosa itu andaikan mereka melepaskan aku dengan belas kasihan. Sungguh ketuaan telah mengalahkan diriku."

Pada suatu ketika, seseorang datang kepada Ma'ruf lalu berkata padanya: "Wahai Ma'ruf, berilah aku nasihat." Kata Ma'ruf: "Berserahlah diri kepada Allah hingga kamu merasa Allah menjadi temanmu dan sebagai tempatmu mengadu. Perbanyakkan mengingat kematian hingga kamu merasa seakan-akan tidak ada teman lain kecuali Allah. Ketahuilah bahawasanya manusia itu tidak dapat memberi manfaat kepadamu dan tidak pula dapat membahayakan kamu. Mereka tidak dapat memberi apapun padamu dan mereka juga tidak mampu menghalangi pemberian untukmu jika Allah telah menghendaki. Takutlah kamu kepada Allah dengan sebenar-benarnya. Laksanakan sembahyang malam di

waktu sahur supaya para malaikat menyaksikan sembahyangmu. Demi Allah, tiada yang lebih bermanfaat bagi orang-orang yang shalih kecuali banyak berzikir, sembahyang malam di sepertiga malam, menepiskan dunia daripada hatimu; kerana sujudmu tidak akan sempurna jika hatimu terpesona kepada dunia."

Bila Ma'ruf mengetahui ada orang melakukan maksiat, maka dia segera minta kepada Allah agar mengampuni mereka. Sama sekali dia tidak pernah mendo'akan yang buruk-buruk kepada orang itu.

Telah diriwayatkan oleh ulama *salaf,* do'a Ma'ruf sering dimakbulkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* disebabkan keikhlasan hatinya. Pada suatu hari beliau duduk di pinggir sungai Tigris bersama beberapa orang kawannya, tiba-tiba di depannya lalu sebuah sampan yang dikayuh oleh anak-anak muda sambil meminum minuman keras dan bernyanyi-nyanyi. Melihat hal itu, salah seorang kawannya berkata:

"Wahai Ma'ruf, do'akan mereka dengan kebinasaan."

Ma'ruf mengangkat tangannya dan berdo'a kepada Allah: "Ya Allah Ya Tuhanku, aku memohon kepadaMu agar Engkau menggembirakan mereka dengan memasukkan mereka ke syurgaMu sebagaimana Engkau telah menggembirakan mereka di dunia sekarang."

Maka kawannya menegurnya: "Aku berkata padamu agar kamu mendo'akan mereka dengan kebinasaan bukannya dengan kebaikan."

Jawab Ma'ruf: "Jika Allah menggembirakan mereka di akhirat, itu bererti Allah telah mengampuni mereka. Lagi pula hal itu tidak menyusahkan kamu untuk menjadi saksi di akhirat."

Ma'ruf mengajar kepada kawan-kawannya bagaimana cara bergaul dengan orang-orang yang berbuat maksiat. Dia meniru tingkah-laku Rasulullah *Shalallahu 'alaihi wasallam* iaitu tidak pernah mendo'akan buruk kepada sesiapapun, bahkan Baginda pernah berkata mengenai kaum Musyrikin yang memusuhinya: "Barangkali anak cucu mereka akan menjadi orang-orang yang mahu menyembah Allah."

Subhânallah! Begitulah mulianya hati Rasulullah *Shalallahu 'alaihi wasallam.*

Dalam satu kejadian yang lain seorang yang bernama Khalil ash-Shayad datang padanya berkata:

"Wahai Ma'ruf, anakku telah hilang di daerah Anbar sehingga ibunya sangat menderita kerana memikirkannya."

Tanya Ma'ruf pada orang itu: "Apa yang kamu inginkan?"

Jawabnya: "Aku meminta bantuanmu, berdo'alah kepada Allah agar Allah mengembalikan anakku kepada ibunya."

Ma'ruf segera mengangkat kedua tangannya dan berdo'a: "Ya Allah, langit ini adalah langitMu, bumi ini adalah bumiMu dan semua yang ada di antara keduanya adalah milikMu, maka kembalikan anak itu."

Setelah itu Khalil bercerita: "Kemudian aku pergi ke pintu gerbang Kota Syam, tiba-tiba aku dapati anakku sedang berdiri di tepi sungai. Ketika itu aku tanya: "Bila kamu datang?" Jawabnya: "Aku baru saja tiba dari Anbar."

Ma'ruf hidup sampai tahun 200H. Menjelang kematiannya, beliau berpesan kepada keluarganya: "Jika aku mati, sedekahkanlah bajuku ini kerana aku ingin keluar dari dunia ini dalam keadaan telanjang sebagaimana ketika aku datang ke dunia."

Setelah beliau meninggal, Ahmad ibnu Fath yang hidup sezaman dengannya bercerita:

"Pada suatu malam, aku bermimpi bertemu seorang wali Allah yang bernama Bisyr ibnu al-Harits yang telah lama meninggal dunia. Beliau duduk disebuah taman, di depannya ada satu hidangan makanan. Aku bertanya padanya: "Wahai Bisyr, bagaimana Allah telah memperlakukan kamu?"

Jawabnya: "Allah telah mengampuni dan merahmati aku serta mengizinkan aku menikmati keindahan syurga. Dia berkata padaku: "Makanlah buah-buahannya, minumlah air sungainya dan bersenang-senanglah dengan apa yang ada di dalamnya, kerana ketika di dunia kau telah melarang dirimu daripada berbagai kesenangan hawa nafsu."

Aku bertanya lagi: "Di mana saudaramu Ahmad ibnu Hanbal?"

Jawabnya: "Dia masih berdiri di depan pintu syurga, memberi syafaat kepada ahli sunnah yang mengatakan bahawasanya al-Qur'an itu *Kalâmullah* bukan makhluk."

Kemudian aku bertanya: "Bagaimana khabarnya Ma'ruf Fairazan al-Karkhy?"

Bisyr menggelengkan kepala, kemudian berkata: "Ma'ruf jauh di atas sana, antara kami dan dia ada tabir. Ma'ruf beribadat kepada Allah bukan kerana beliau menginginkan syurgaNya atau takut pada nerakaNya, dia beribadat kepada Allah hanya kerana semata-mata rindu kepadaNya. Maka Allah mengangkatnya ke tingkatan yang paling atas, dan mengangkat tabir yang ada di antara kami dan Ma'ruf."

Semoga Allah sentiasa melimpahkan redhaNya pada Ma'ruf sebagaimana Dia telah menyinari jiwanya dimasa beliau masih kecil dan membersihkan hatinya. Kemudian memenuhi hati itu dengan cinta kepada Allah sehingga dunia tidak mendapat tempat di hatinya lalu beliau telah diberkati semasa muda dan tuanya. Jiwanya melayang kepada Pencipta seraya ber*tasbîh* sehingga beliau meninggal dunia dalam keadaan rindu untuk bertemu dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala. Wallahu a'lam.*

Dipetik daripada kitab Hayâh ash-Shâlihîn karangan Syeikh Abdul Mun'im Qindil, terjemahan Yunus Ali al-Muhdhor.

Buku Cigarettes & Smoking Akan Diterbitkan

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan menerbitkan buku Cigarettes & Smoking iaitu sebuah buku terjemahan dari buku asal Rokok dan Merokok.

Sehubungan dengan itu Majlis Penandatanganan Memorandum Persepakatan Antara Jabatan Mufti Kerajaan dan Koperasi BKSS Kementerian Kesihatan Berhad bagi pencetakan buku tersebut telah diadakan pada 10 Safar, 1428 bersamaan 28 Februari, 2007 di Darulifta Brunei Darussalam.

Penandatanganan bagi pihak Jabatan Mufti Kerajaan selaku penerbit diwakili oleh Pengarah Pentadbiran, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah sementara Koperasi BKSS Kementerian Kesihatan Berhad selaku pembiaya diwakili oleh Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Mohiddin. Majlis penandatanganan ini juga disaksikan oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan dan Awang Haji Mun Taha bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mohd. Said dari Koperasi BKSS Kementerian Kesihatan Berhad.

Ketika berucap di majlis tersebut, Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari berkata hukum haram yang telah difatwakan oleh Mufti Kerajaan bagi rokok dan merokok bukanlah perkara kecil kepada umat Islam.

Pilihan di kalangan mereka yang merokok, katanya bukanlah setakat rokok atau kesihatan, rokok atau nyawa tetapi juga pahala atau dosa, iaitu tidak merokok dapat pahala, merokok berdosa.

Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah menandatangani bagi pihak Jabatan Mufti Kerajaan sementara Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Mohiddin mewakili Koperasi BKSS Kementerian Kesihatan Berhad.

Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah ketika menerima sumbangan berjumlah $5,000.00 untuk pembiayaan penerbitan buku Fatwa Mufti Kerajaan 2005 daripada wakil Pengarah Urusan Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad.

Majlis pada hari tersebut diselajurkan dengan penyampaian sumbangan tajaan penerbitan buku Fatwa Mufti Kerajaan 2005 daripada Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn.Bhd.(BSM).

Hadir di majlis itu ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan dan Kementerian Kesihatan serta pegawai-pegawai daripada Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

MEMPROMOSI TERBITAN TERBARU SEMPENA SAMBUTAN MAULUD

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Dalam usaha untuk menyebarkan maklumat mengenai fatwa dan *irsyâd* agar sampai kepada masyarakat, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri mempromosi buku-buku terbitannya di ketiga-tiga daerah di negara ini sempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang telah diadakan pada pagi 12 Rabiulawwal, 1428 bersamaan 31 Mac, 2007.

Di ibu negara promosi dan jualan di adakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, di Daerah Belait di Padang Bandaran dan di Daerah Tutong di kawasan Dewan Kemasyarakatan.

Semasa promosi dan jualan itu 3 buah buku baru telah dijual iaitu Cigarettes & Smoking, Fatwa Mufti Kerajaan 2005 dan Irsyad Hukum 2005. Selain itu ada beberapa buah buku ulang cetak yang laris di pasaran juga dijual. Buku-buku tersebut ialah Jambatan Ke Akhirat dan Rawatan & Kesihatan.

Mempromosi buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam di Daerah Belait diadakan buat kali kedua (atas kiri) sementara bagi Daerah Tutong diadakan buat kali pertama (atas kanan).

Mufti Kerajaan Berceramah Di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1428 Kementerian Kewangan

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Penghijrahan daripada sistem ekonomi konvensional kepada sistem ekonomi Islam adalah satu proses yang wajib dilalui oleh umat Islam.

Wujudnya sistem konvensional semenjak dari abad ke-16 lagi adalah kerana pengasasan yang dibuat oleh pakar-pakar ekonomi yang bukan beragama Islam, lalu lahirlah institusi-institusi kewangan yang tidak menepati lunas-lunas Islam, yang lebih mengutamakan keuntungan sepihak, yang terkenal sebagai mu‘amalah riba.

Cukup lama umat Islam turut meringkuk dalam penjara-penjara riba, beribu-ribu tahun lamanya, sehinggalah dengan belas kasihan Allah lahirlah pakar-pakar ekonomi Islam daripada kalangan orang-orang Islam sendiri. Mereka ini telah dibekalkan dengan aqidah/kepercayaan yang berpaksikan hidayah Allah, bahawa kalaulah mereka itu tidak bangkit juga membawa perubahan, nescaya mereka akan berdosa kepada Allah. Aqidah inilah yang menolak mereka mesti bangun mengambil langkah alternatif untuk membebaskan umat Islam daripada lokap-lokap riba di seluruh dunia. Dengan ini bermulanya perjuangan dan usaha umat Islam menubuhkan bank-bank atau institusi kewangan Islam.

Sebahagian pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan yang menghadiri Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1428. Turut hadir ialah pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika berceramah di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1428 bagi Kementerian Kewangan dan jabatan-Jabatan di dalamnya.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika berceramah di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriah 1428 bagi Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya bertempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, Berakas pada 20 Muharram, 1428 bersamaan 8 Februari, 2007.

Menurut Yang Berhormat Pehin, setakat berbank sahaja, setakat kita mahir berinteraksi dalam pengurusan dan pengendalian bank sahaja belum cukup untuk kita kerana semua itu baru syari‘ah dan rangkanya sahaja.

"Kita mesti memasuki dua bahagian teras lagi iaitu aqidah dan ibadah. Bahagian Ibadah: Jangan lupakan Allah. Jangan lupa berniat kerana Allah. Kita berbank ialah kerana Allah, kita berbank ialah untuk melepaskan umat daripada belenggu riba, kita berbank ialah untuk melepaskan fardhu *kifâyah* dan kita berbank ialah untuk menyumbang kepada umat dan negara.

"Kemudian, akhir sekali, dan malah inilah yang lebih-lebih akan menentukan *survival* kita, *survival* institusi kewangan kita, iaitulah aqidah. Kita adalah dituntut supaya beraqidah. Kita dituntut supaya beriman, kita dituntut supaya yakin dan percaya, bahawa langkah berbank tanpa riba, langkah mengurus dan mengendali kewangan mengikut lunas-lunas Islam, adalah langkah yang diberkati, langkah yang diredhai, dan langkah yang akan kita kembangkan dan pertahankan sampai mati," tegas Yang Berhormat Pehin.

Hadir di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan Kedua selaku tetamu kehormat majlis dan Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Momin, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan. Majlis juga turut dihadiri oleh Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Ketua-ketua Jabatan dan bahagian serta lebih 300 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Darulifta Brunei Darussalam Dikunjungi

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Sejak bulan Januari 2007, Darulifta Brunei Darussalam telah dikunjungi oleh 3 rombongan pelawat dari dalam dan luar negeri.

Pada hari Sabtu 8 Muharram, 1428 bersamaan 27 Januari, 2007 serombongan seramai 18 orang Jawatankuasa Masjid al-Hikmah, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa cawangan Labuan telah melawat Darulifta Brunei Darussalam.

Sebaik tiba rombongan pelawat telah dialu-alukan dan diberikan taklimat mengenai struktur dan peranan Jabatan Mufti Kerajaan sehingga menjadi sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kemudian rombongan dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang mempamerkan koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Mu'izzaddin Waddaulah seperti Mushaf, manuskrip, tasbih dan tongkat.

Pada hari Isnin 15 Safar, 1428 bersamaan 5 Mac, 2007 pula serombongan 34 orang ahli Persatuan Ulama Malaysia cawangan Perak, yang dalam rangka lawatan ke negara ini telah berkunjung ke Darulifta Brunei Darussalam. Sebahagian ahli rombongan telah membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan di bilik yang lain sebahagiannya lagi diberikan taklimat mengenai sejarah perkembangan institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam.

Penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab (Laki-Laki) Hassanal Bolkiah ketika mendengarkan taklimat sebelum dibawa mengunjungi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Rombongan kemudiannya dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang mempunyai koleksi menarik seperti Mushaf yang paling kecil, Mushaf yang besar dan Mushaf berusia lebih 1,000 tahun.

Pada hari Khamis 25 Safar, 1428 bersamaan 15 Mac, 2007 serombongan seramai hampir 100 orang penuntut Sekolah Menengah Arab (Laki-Laki) Hassanal Bolkiah telah berkunjung ke Darulifta Brunei Darussalam untuk mengetahui secara lebih dekat lagi mengenai Jabatan Mufti Kerajaan.

Mereka telah diberikan taklimat mengenai prosedur pengeluaran fatwa dan *irsyâd* dan juga Skim Tarbiyah Ulama untuk meningkatkan kewibawaan dan akademik pegawai-pegawai ilmu di Jabatan Mufti Kerajaan. Selain itu rombongan juga diberi taklimat mengenai Perpustakaan Islam Brunei yang mempunyai koleksi buku dalam berbagai disiplin ilmu. Lawatan mereka diakhiri dengan kunjungan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Setelah selesai mengadakan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, rombongan pelawat dari Universiti Malaysia Sabah tidak lupa untuk menandatangani buku lawatan.

Rombongan Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Perak diberikan taklimat sebelum memulakan lawatan ke Balai Pameran Islam.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI WAQAF

Oleh: Awang Osman bin Awang Abu Bakar

Persidangan Antarabangsa Mengenai Waqaf, Singapura 2007 telah diadakan di Hotel Fullerton, Singapura pada 16 dan 17 Safar, 1428 bersamaan 6 dan 7 Mac, 2007 yang lalu.

Persidangan selama dua hari itu telah dirasmikan oleh Yang Berhormat, Encik Goh Chok Tong, Menteri Kanan Republik Singapura. Antara peserta persidangan ini termasuklah pentadbir-pentadbir hal ehwal waqaf, penasihat kewangan, ahli-ahli ekonomi dan akademik dan Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Awang Rosle bin Haji Jumat, Pegawai Penyelidik Ugama Kanan dan Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Md. Daud, Pegawai Istinbat.

Persidangan tersebut adalah anjuran bersama Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Institut Kajian dan Latihan Islam (IRTI), Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IDB), Pelaburan Warees, Sdn. Bhd. Singapura dan Yayasan Waqaf Awam Kuwait.

Sesuai dengan temanya iaitu "Mengintegrasikan Waqaf Ke Dalam Sektor Kewangan Islam", antara objektifnya ialah untuk menggubal konsep *(conceptualize)* dan membincangkan *(deliberate)* peranan waqaf dalam ekonomi Islam, dan menghasilkan model-model yang inovatif serta produk-produk yang boleh dipasarkan yang mampu membawa kepada pembangunan aset-aset waqaf dan pengintegrasiannya ke dalam industri kewangan Islam. Di samping itu ia juga dihasratkan untuk mengusulkan langkah-langkah penyeliaan *(supervisory)* dan peraturan *(regulatory)* bagi mengekalkan integriti, kewibawaan, keabadian dan *viability* pelaburan-pelaburan waqaf yang boleh membawa kepada pengintegrasiannya secara semula jadi ke dalam industri kewangan Islam.

Awang Rosle bin Haji Jumat dan Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Md. Daud sempat bergambar dengan salah seorang perwakilan.

PESTA BUKU BRUNEI 2007

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri menyertai lagi Pesta Buku Brunei 2007 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-23. Ini adalah penyertaan kali kelapan.

Pesta Buku Brunei 2007 diadakan pada 7 – 16 Safar, 1428 bersamaan 25 Februari – 6 Mac, 2007 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan disertai oleh hampir 50 penerbit, pengedar, toko-toko buku dan institusi pendidikan dari dalam dan luar negeri termasuk ASEAN Book Publishers Association (ABPA).

Pesta buku ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari Ahad, 7 Safar, 1428 bersamaan 25 Februari, 2007.

Pesta buku seumpama ini diharapkan sebagai titik pertemuan antara pengedar, penerbit, pustakawan dan pencinta buku di bawah satu bumbung.

Menurut pihak penganjur, pesta buku ini diadakan antara lain bertujuan untuk memberikan peluang pertemuan dan interaksi di antara pengedar, penerbit, pustakawan, pencinta buku dan masyarakat umum di bawah satu bumbung untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku. Selain itu ia juga bertujuan untuk mengeratkan jalinan kerjasama bagi merancang strategi mengembangkan industri penerbitan buku di peringkat serantau dan global.

Sepanjang pesta buku ini diadakan, buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan yang mendapat sambutan hangat ialah buku-buku terbitan terbaru iaitu Fatwa Mufti Kerajaan 2004 dan Irsyad Hukum 2005. Selain itu buku-buku ulang cetak yang laris dijual ialah 100 Keistimewaan Malam dan Hari Jumaat, Kerasukan: Merawat dan Mencegahnya, Rawatan dan Kesihatan dan buku Ibadat Korban: Hukum dan Cara Pengendaliannya.

Pesta buku ini ditutup rasmi oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari Isnin 15 Safar, 1428 bersamaan 5 Mac, 2007.

UNIVERSITI ISLAM DITUBUHKAN DAN MPUSB JADI KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengumumkan penubuhan universiti kedua bagi Negara Brunei Darussalam, iaitu Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena menyambut kedatangan tahun baru Masihi 2007 yang disiarkan di seluruh negara melalui Radio Televisyen Brunei, pada 12 Zulhijjah, 1427 bersamaan 1 Januari, 2007.

Menurut titah baginda, sebagai sebuah negara kecil yang sedang membangun, negara kita tidak mengabaikan pembangunan insan dalam erti yang seluas-luasnya di mana wadah pembangunan tersebut ialah bidang pendidikan.

Sempena menyambut awal tahun 1428 Hijriyah pula baginda bertitah mengumumkan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan ditingkatkan tarafnya menjadi Kolej Universiti Perguruan yang dikenali sebagai Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena menyambut awal tahun 1428 Hijriyah yang disiarkan melalui Radio Televisyan Brunei pada 1Muharram, 1428 bersamaan 19 Januari, 2007.

Kolej Universiti ini menurut titah baginda dihasratkan akan mengeluarkan Diploma dan Ijazah dan *insyâ'* Allah jika tidak ada aral yang menghalang akan memulakan kursus pertamanya awal bulan Ogos, 2007.

"Beta melihat, Negara Brunei Darussalam bolehlah berbangga dengan penubuhan ini, kerana ia dapat dianggap sebagai satu-satunya pusat pengajian yang pernah wujud sepertinya di rantau ini mahupun di mana-mana juga di luar rantau. Beta yakin, ia bukan saja akan memenuhi keperluan Brunei sendiri malahan juga bersedia untuk membuka pintunya kepada pemohon-pemohon daripada luar negara," titah baginda.

Majlis Sambutan Awal Tahun Baru Hijriyah 1428 Peringkat Negara berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah pada 1 Muharram, 1428 bersamaan 19 Januari 2007 dengan acara kemuncaknya Anugerah Jasawan Ugama dan Anugerah Bakti Hijriyah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan berangkat dan menyempurnakan pengurniaan anugerah kepada penerimanya yang terdiri daripada Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar, penerima Anugerah Jasawan Ugama dan tiga penerima Anugerah Bakti Hijrah iaitu Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Salia Haji Awang Mohd. Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Awang Mohammad, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Zainal bin Kahar dan Awang Haji Abdul Rahman bin Abdullah Sambang.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis bermula dengan bacaan Do'a Akhir Tahun 1427 Hijriyah, diikuti dengan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah, bacaan Do'a Awal Tahun 1428 Hijriyah dan sembahyang sunat Hajat berjemaah bagi memohon agar Negara Brunei Darussalam terhindar daripada bala bencana.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda ketika berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriyah 1428 (atas kanan). Baginda dan anakanda-anakanda baginda bergambar berserta penerima Anugerah Jasawan Ugama dan Anugerah Bakti Hijriyah (atas kiri).

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
Darulifta' Brunei Darussalam, Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam
Telefon: 2235121, 2224955 Fax: 2235120
Website: www.brunet.bn/gov/mufti **E-mail:** mufti@brunet.bn / fatwa@brunet.bn dan penerbitanjmk@netkad.com.bn

Dicetak oleh: Pencetak dan Perdagangan Borneo Sdn. Bhd.